



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS KESALAHAN EJAAN DAN TANDA BACA DALAM PENULISAN KARANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

NURUL NAJIHAH BINTI SAMSUL KAMAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA
MUDA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU) DENGAN KEPUJIAN PADA
SESI 2022/2023**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN/ DECLARATION

Saya memperakui bahawa Laporan Projek Tahun Akhir ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan yang tiap-tiap satunya telah diperjelaskan sumbernya.



Tandatangan:

Nama: Nurul Najihah binti Samsul Kamal

No. Matrik: D20191087792

Tarikh: 21 Februari 2023





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونیورسٹی قنديديقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

PENGESAHAN



Kertas Projek Tahun Akhir ini telah diterima oleh Jabatan Bahasa dan Kesusaeraan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Kepujian pada semester 1 sesi 2022/2023

(.....)

Penyelia

(Dr. Husna Faredza binti
Mohamed Redzwan)

Tarikh:

(.....)

Pelajar

(Nurul Najihah binti
Samsul Kamal)

Tarikh: 21 Februari 2023





PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan kertas Projek Tahun Akhir Bahasa Melayu ini. Pertama sekali, saya ingin tujukan ucapan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia, iaitu Dr. Husna Faredza binti Redzwan kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, teguran dan bimbingan sepanjang saya menyiapkan projek tahun akhir.

Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga yang disayangi Noraini binti Zakaria dan keluarga tersayang yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan kata-kata semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Terima kasih juga kerana telah banyak bertolak ansur dan memahami situasi dan keadaan sepanjang proses saya menyiapkan Projek Tahun Akhir.

Di samping itu juga, ucapan terima kasih ini ditujukan khas buat sahabat karib saya iaitu Nurfarizah dan Nur Eliana kerana sentiasa memberikan pertolongan, berkongsi idea dan pendapat serta sokongan moral untuk menyiapkan penulisan ini. Dengan kata-kata positif tersebut, membuatkan saya lebih berfikiran jauh dan bersemangat untuk meneruskan penulisan ini hingga tamat.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan AT05 yang terlibat secara langsung, mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan penulisan ini. Bantuan dan sokongan yang diberikan memudahkan saya menyiapkan Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya sehingga ke penghujung.

Sekian, terima kasih.

NURUL NAJIHAH BINTI SAMSUL KAMAL
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Kepujian
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian yang berkaitan dengan analisis kesalahan ejaan dan tanda baca dalam penulisan karangan murid Tingkatan Tiga di SMK (LKTP) Jengka 16, Maran, Pahang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan ejaan kata asli bahasa Melayu dan kesalahan ejaan kata pinjaman yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan. Selain itu, pengkaji turut mengenal pasti kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan. Seramai 30 orang murid Tingkatan 3 yang terdiri daripada sebuah kelas di SMK (LKTP) Jengka 16 telah dipilih sebagai responden. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan dengan melibatkan instrumen hasil penulisan karangan responden bagi memperoleh data. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 169 kesalahan ejaan, iaitu 136 kesalahan ejaan kata asli bahasa Melayu dan 33 kesalahan ejaan kata pinjaman. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat 75 kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati setiap orang murid akan melakukan sekurang-kurangnya 1 kesalahan ejaan dalam penulisan karangan. Oleh hal yang demikian, implikasi kajian ini adalah satu usaha untuk membantu murid mengatasi kelemahan dari segi ejaan dan penggunaan tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu dan membantu guru-guru di sekolah dalam menangani kelemahan yang sering dilakukan oleh murid semasa menulis karangan.





ANALYSIS OF SPELLING AND PUNCTUATION ERRORS IN SECONDARY SCHOOL STUDENTS' ESSAY WRITING

ABSTRACT

The aim of this study is to analyse of spelling and punctuation errors in the writing of Form Three students in SMK (LKTP) Jengka 16, Maran, Pahang. This study also aims to identify the spelling errors of native Malay words and the spelling errors of borrowed words made by students in their essays. In addition, the researcher also identified punctuation mistakes made by students in essays writing. The researcher chose 30 of the student from one of Form Three's classes, SMK (LKTP) Jengka 16. Qualitative method were used in this study, such as text analysis methods and bibliographic methods, by involving instruments written by respondents to obtain the data. The results of the study found that 169 spelling errors, namely 136 spelling errors of original Malay words and 33 spelling errors of borrowed words. The results of the study also found that there were 75 punctuation mistakes made by students in writing essays. Overall, in this study found that every student will make at least one spelling mistake in writing an essay. Therefore, the implication of this study is an effort to help students overcome the weaknesses in terms of spelling and punctuation in writing Malay essays and to help teachers in schools deal with the weaknesses that students often encounter during their essay writing.

Keywords: analysis of spelling, punctuation errors, secondary school, essay writing.





SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT (TERJEMAHAN ABSTRAK)	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.6.1 Murid	7
1.6.2 Guru	8
1.6.3 Pihak Sekolah	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Operasional	10
1.8.1 Analisis Kesalahan	10
1.8.2 Ejaan	11
1.8.3 Tanda Baca	11
1.8.4 Penulisan	12
1.8.5 Karangan	13
1.8.6 Murid	14





1.8.7 Sekolah Menengah	14
1.9 Kesimpulan	15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Kajian Lepas Mengenai Kesalahan Ejaan dan Tanda Baca	17
2.2.1 Kajian Lepas Mengenai Kesalahan Ejaan dalam Negara	17
2.2.2 Kajian Lepas Mengenai Kesalahan Ejaan Luar Negara	21
2.2.3 Kajian Lepas Mengenai Kesalahan Tanda Baca di Malaysia	24
2.2.4 Kajian Lepas Mengenai Kesalahan Tanda Baca Luar Negara	25
2.3 Kesimpulan	27



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN



3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.3 Kaedah Kajian	29
3.3.1 Kaedah Analisis Teks	30
3.3.2 Kaedah Kepustakaan	30
3.4 Lokasi Kajian	31
3.5 Populasi dan Pensampelan	31
3.6 Instrumen Kajian	32
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	33
3.7.1 Langkah 1: Berbincang Bersama Penyelia Projek Tahun Akhir	33
3.7.2 Langkah 2: Memilih Kawasan Kajian	33
3.7.3 Langkah 3: Memohon Kebenaran	33
3.7.4 Langkah 4: Membina Soalan Penulisan Karangan	34





3.7.5 Langkah 5: Murid Menjawab Soalan yang Dibina Oleh Pengkaji	34
3.7.6 Langkah 6: Proses Penandaan Penulisan Karangan dan Mengumpulkan Data	35
3.8 Prosedur Penganalisisan Data	36
3.9 Kerangka Konseptual	38
3.10 Kesimpulan	39

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	40
4.2 Kesalahan Ejaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid	41
4.2.1 Analisis Kesalahan Ejaan Kata Asli Mengikut Responden	41
4.2.1.1 Analisis Kekerapan Kesalahan Ejaan Kata Asli Mengikut Golongan Kata	43
4.2.1.2 Analisis Kesalahan Ejaan Kata Asli Mengikut Golongan Kata	45
4.2.2 Analisis Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Mengikut Responden	52
4.2.2.1 Analisis Kekerapan Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Mengikut Bahasa	54
4.2.2.2 Analisis Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Mengikut Bahasa	56
4.3 Kesalahan Tanda Baca dalam Kalangan Murid	58
4.3.1 Analisis Kesalahan Tanda Baca Mengikut Responden	58
4.3.1.1 Analisis Kekerapan Jenis Kesalahan Tanda Baca Mengikut Jenis	60
4.3.1.2 Analisis Jenis Kesalahan Tanda Baca Mengikut Jenis	62
4.4 Kesimpulan	68



**BAB 5 RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	69
5.2 Rumusan Kajian	70
5.3 Implikasi Kajian	71
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	73
5.5 Kesimpulan	75

RUJUKAN	76
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A Borang Permohonan Menjalankan Kajian	79
Lampiran B Soalan Karangan	80
Lampiran C Jawapan Penulisan Karangan Murid	81
Lampiran D Analisis Keseluruhan Kesalahan Ejaan Kata Asli Bahasa Melayu Mengikut Golongan Kata Berserta Contoh	83
Lampiran E Analisis Keseluruhan Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Mengikut Bahasa Berserta Contoh	86
Lampiran F Analisis Keseluruhan Tanda Baca Mengikut Jenis Berserta Contoh	87





SENARAI JADUAL

No. Judul		Muka Surat
Jadual 3.1	Taburan Populasi Murid Mengikut Jantina	31
Jadual 4.1	Analisis Keseluruhan Kesalahan Ejaan Kata Asli Mengikut Responden	42
Jadual 4.2	Kekerapan Kesalahan Ejaan Kata Asli Mengikut Golongan Kata	44
Jadual 4.3	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Nama (KE1)	46
Jadual 4.4	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Kerja (KE2)	47
Jadual 4.5	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Adjektif (KE3)	48
Jadual 4.6	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Sendi Nama (KE4)	49
Jadual 4.7	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Hubung (KE5)	50
Jadual 4.8	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Penegas (KE6)	51
Jadual 4.9	Analisis Keseluruhan Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Mengikut Responden	53
Jadual 4.10	Analisis Kekerapan Jenis Kata Pinjaman Mengikut Bahasa	55
Jadual 4.11	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Bahasa Inggeris	56
Jadual 4.12	Analisis Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Bahasa Arab	57
Jadual 4.13	Analisis Keseluruhan Kesalahan Tanda Baca Dalam Karangan Murid Mengikut Responden	59
Jadual 4.14	Analisis Kekerapan Kesalahan Tanda Baca Mengikut Jenis	61
Jadual 4.15	Analisis Kesalahan Tanda Baca Noktah	63
Jadual 4.16	Analisis Kesalahan Tanda Baca Koma	65
Jadual 4.17	Analisis Kesalahan Tanda Baca Pengikat Kata	66
Jadual 4.18	Analisis Kesalahan Randa Baca Sempang	67





SENARAI RAJAH

No. Judul	Muka Surat
Rajah 3.1 Prosedur Pengumpulan Data	32
Rajah 4.1 Peratusan Kesalahan Ejaan Kata Asli Mengikut Golongan Kata	44
Rajah 4.2 Peratusan Jenis Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman Mengikut Bahasa	55
Rajah 4.3 Peratusan Kesalahan Tanda Baca Mengikut Jenis	61





SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Makna Penuh
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
LKTP	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
KE1	Kesalahan Ejaan 1
KE2	Kesalahan Ejaan 2
KE3	Kesalahan Ejaan 3
KE4	Kesalahan Ejaan 4
KE5	Kesalahan Ejaan 5
KE6	Kesalahan Ejaan 6
R	Responden
Bil.	Bilangan
KOMSAS	Komponen Sastera





SENARAI SIMBOL

Simbol	Makna Penuh
(.)	Tanda Noktah
(,)	Tanda Koma
(-)	Tanda Sempang
(...)	Tanda Elipsis
(:)	Tanda Titik Bertindih
(;)	Tanda Koma Bertindih
(?)	Tanda Soal
(!)	Tanda Seru
{[()]}	Tanda Kurung Dan Kelompok
(())	Tanda Kurung
([])	Tanda Kurung Siku
({ })	Tanda Kurung Dakap
(“ ”)	Tanda Pengikat Kata
(‘ ’)	Tanda Petik Tunggal
(/)	Tanda Garis Miring
(‘)	Tanda Penyingkat





SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A** Borang Permohonan Menjalankan Kajian
- LAMPIRAN B** Soalan Karangan
- LAMPIRAN C** Hasil Penulisan Karangan Murid
- LAMPIRAN D** Analisis Keseluruhan Kesalahan Ejaan Kata Asli Bahasa Melayu
- LAMPIRAN E** Analisis Keseluruhan Kesalahan Ejaan Kata Pinjaman
- LAMPIRAN F** Analisis Keseluruhan Kesalahan Tanda Baca





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian serta definisi operasional. Perbincangan setiap bab akan diuraikan secara berasingan dan secara terperinci bagi memudahkan pemahaman terhadap isi kandungan kajian yang dilakukan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



1.2 Latar Belakang Kajian

Kemahiran menulis merupakan satu daripada kemahiran berbahasa yang utama selepas kemahiran lisan dan kemahiran membaca (Azhar Md Sabil, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian & Rozita Radhiah Said, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana dalam penulisan karangan, antara kesalahan yang sering dilakukan oleh kebanyakan murid di sekolah sama ada murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah ialah kesalahan dari segi ejaan dan penggunaan tanda baca. Penguasaan sistem ejaan dan tanda baca yang betul amat penting dalam membantu keterampilan komunikasi bertulis bagi seseorang murid. Kegagalan menguasai sistem ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul akan menyebabkan berlakunya salah tafsir maklumat atau maksud, menganggu keberkesanan idea dan akan menjelaskan penyampaian maklumat secara tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemahiran menulis seseorang itu sebenarnya memerlukan kecekapan idea dalam mengolah penyampaian maklumat, idea, perasaan dan juga pendapat yang ingin disampaikan kepada individu yang lain.

Secara amnya, tujuan menulis ditetapkan pada peringkat sekolah adalah untuk melahirkan murid yang mahir dalam mengeluarkan pendapat atau pandangan berdasarkan situasi atau tajuk ke dalam satu bentuk tertentu. Hal ini bermaksud murid-murid dikehendaki untuk melatih dalam menghujah dan mengembangkan idea dalam bentuk pemerenggan yang betul. Selain itu, kemahiran menulis juga dapat melatih murid untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam penulisan yang dihasilkan. Oleh hal demikian, kemahiran menulis menekankan terhadap penggunaan ayat yang gramatis, aspek ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul. Menurut Noor Aienzam Mohamad (2015), menjelaskan bahawa semasa proses penulisan tersebut dilakukan, murid-murid dilihat lebih menumpukan kepada isi-isi idea dalam menulis sesuatu karangan tanpa memberikan perhatian terhadap kesalahan ejaan yang dilakukan. Kesalahan ejaan yang berlaku ini juga boleh menyebabkan perubahan makna yang sangat ketara sehingga akan berlakunya gangguan dalam menyampaikan maksud yang sebenar.





Selain daripada kesalahan ejaan yang dilakukan oleh murid, kesalahan tanda baca juga mempengaruhi dalam sesbuah hasil penulisan murid. Penggunaan tanda baca yang tepat dan betul dalam tulisan sangat diutamakan kerana kewujudannya berhubungan rapat dengan keutuhan tatabahasa, gaya penulisan, dan intonasi dalam pembacaan. Hal ini dikatakan demikian kerana tulisan yang tidak menggunakan tanda baca, atau menggunakan tanda baca dengan cara yang tidak tepat boleh mengganggu pembacaan dan pemahaman terhadap sesuatu teks atau tulisan. Namun demikian, murid-murid kurang menitikberatkan aspek tanda baca dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Hal ini memberi kesan kepada sesbuah penulisan sehingga menyebabkan ayat yang diolah menjadi tidak gramatis.

Penggunaan ayat yang gramatis, ejaan dan tanda baca yang betul dan tulisan yang kemas serta jelas merupakan penekanan yang diberikan dalam menghasilkan penulisan yang baik (Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod, Irma Mahad & Intan Nur Syuhada, 2021). Oleh hal demikian, dalam pengajaran kemahiran menulis, penguasaan berperingkat asas perlu diperkuuhkan, iaitu dengan permulaan penulisan huruf, perkataan, ayat dan seterusnya wacana agar mudah difahami apabila dibaca. Oleh sebab itu, aspek ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul amat penting dalam sesuatu penulisan bukan sahaja penyampaian maklumat yang tepat dapat disampaikan dengan baik. Malah, ketiadaan kesalahan ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul juga dapat menjadikan pembaca tidak salah untuk mentaksir maklumat.

Penulisan karangan telah menjadi satu komponen yang terdapat dalam mata pelajaran bahasa Melayu baik di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Penulisan karangan sangat penting dan perlu dipelajari serta dikuasai dengan cekap dan mahir oleh setiap orang murid. Hal ini turut dinyatakan oleh Broto dalam Kamaruddin Haji Hussin (1988, ms196) dengan menjelaskan seperti berikut:

Keterampilan kemahiran mengarang sangat perlu bagi murid-murid baik untuk keperluan meneruskan pelajaran. Oleh itu, keterampilan ini mula dikembangkan sejak sekolah dasar. Di sekolah menengah pertama atau sekolah menengah rendah, pengembangan keterampilan ini dilalui secara sistematik, iaitu setapak demi setapak dengan membimbingnya secara terus menerus ke tingkat yang lebih tinggi.

(Kamaruddin Haji Hussin. 1988, ms.196)





Kenyataan bahawa penulisan karangan sangat penting dan perlu dipelajari serta dikuasai oleh semua murid turut disokong oleh Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali dan Shamsudin Othman (2016), menyatakan kemahiran menulis adalah kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh murid. Kemahiran ini bertujuan supaya mereka menguasai Bahasa Melayu secara berkesan untuk kehidupan dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Oleh sebab itu, penulisan karangan adalah penting dalam pendidikan formal kerana kebanyakan jawapan dalam ujian dan peperiksaan awam atau rasmi memerlukan pengucapan idea, pendapat, fakta, dan selainnya yang disampaikan melalui kemahiran menulis yang sifat bahasanya adalah formal. Keadaan ini menunjukkan bahawa seorang murid itu sebenarnya perlu menguasai ilmu penulisan karangan secara khusus.

1.3 Penyataan Masalah

Pada umumnya, didapati bahawa ramai murid sekolah menengah menghadapi pelbagai masalah terutamanya dalam penulisan karangan yang melibatkan aspek tatabahasa. Hal ini bukan sahaja memberi kesan kepada murid dalam menghasilkan penulisan karangan yang baik. Malah, guru juga sukar untuk memberi markah yang tinggi kepada murid-murid kerana kesalahan yang terlalu tinggi. Oleh hal demikian, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengetahui kesalahan ejaan dan tanda baca yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Salah satu permasalahan yang menyebabkan penjejasan markah adalah disebabkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah kerana terdapat kesalahan tatabahasa dari segi ejaan yang betul mengikut bahasa Melayu Standard. Perkara ini disokong oleh Rozana Jaafar (2020) dalam kajian bertajuk “Strategi Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Menulis Dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina dan India Ketika Belajar Bahasa Melayu” yang mengatakan kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang sukar dikuasai oleh murid kerana kemahiran ini memerlukan seseorang individu menulis perkataan atau ayat yang gramatis. Hal ini dikatakan demikian kerana kemahiran menulis berkait rapat dengan kebolehan murid semasa menulis perkataan atau ayat yang gramatis, di samping mematuhi hukum-hukum tatabahasa.





Masalah menulis juga merupakan satu masalah yang masih tidak dapat diselesaikan sehingga kini sama ada dalam kalangan murid sekolah rendah maupun sekolah menengah. Kenyataan ini selari dengan pendapat Revathi Raja Gopal, Dahlia Janan dan Nasir Masran (2022), yang mengatakan bahawa murid dari kategori lemah tidak dapat menulis idea dengan ayat yang gramatis serta bermasalah dalam penggunaan kosa kata, struktur ayat, imbuhan, tanda baca dan ejaan. Dapatan kajian membuktikan bahawa masalah penulisan yang sering dilakukan oleh murid sekolah sememangnya wujud terutama dari segi kesalahan tatabahasa. Oleh hal demikian perkara ini membuktikan bahawa sehingga kini masih terdapat murid sekolah rendah dan menengah tidak boleh menulis dengan baik. Situasi ini perlulah ditangani dengan segera kerana masalah menguasai kemahiran menulis boleh mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti, aspek tatabahasa seperti ejaan dan tanda baca perlu dititikberatkan oleh murid untuk memperoleh markah yang cemerlang. Namun demikian, kajian lepas mendapati aspek tatabahasa mendorong kepada berlakunya masalah dalam penulisan. Pelbagai kajian telah dilakukan berkaitan kesalahan ejaan. Hal ini turut disokong oleh Abdul Rasid Jamian (2016) yang mengatakan bahawa wujudnya permasalahan dalam kalangan murid di sekolah luar bandar yang berkaitan dengan kemahiran menulis. Penguasaan aspek mekanikal dalam penulisan karangan mereka yang lemah menyebabkan penghasilan penulisan karangan mereka turut terjejas. Oleh hal demikian, perkara ini menunjukkan bahawa masalah yang berlaku adalah berpunca daripada kesalahan ejaan yang sering dilakukan oleh murid dalam penulisan sehingga menyebabkan kemahiran menulis murid terjejas.

Selain itu, kesalahan tanda baca yang digunakan juga mempengaruhi pembaca untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Hal ini selari dengan pendapat Wafaa, (2018), mengatakan bahawa masalah dalam penulisan yang dihadapi oleh murid selain ejaan dan tatabahasa ialah penggunaan tanda baca. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan murid memandang remeh terhadap tanda baca dalam penulisan. Terdapat juga sesetengah murid yang terlalu cepat menulis untuk mengejar masa yang diperuntukkan. Tindakan murid ini menyebabkan mereka tertinggal atau tercicir tanda-tanda baca yang sepatutnya dalam penulisan karangan. Justeru, hal ini menyebabkan murid kurang menguasai penggunaan tanda baca yang betul.





Corder (1973), menganggap bahawa kesalahan bahasa faktornya daripada pertukaran, peralihan ataupun penghilangan sesuatu bahasa ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan rangkai kata hingga menyebabkan ayat yang dibentuk mengandungi kesalahan yang bertentangan tatabahasa Melayu. Kesalahan yang kerap mereka lakukan adalah disebabkan pengaruh bahasa. Corder (1981), menganggap bahawa kesalahan bahasa berpunca daripada akan penutur yang melakukan pertukaran, pengalihan atau penghilangan sesuatu ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan atau rangkai kata hingga menyebabkan ayat-ayat yang dibentuk mengandungi kesalahan. Berdasarkan kajian-kajian lepas, jelaslah bahawa masalah kesalahan ejaan dan tanda baca masih berlaku dalam penulisan murid. Secara amnya, tatabahasa merupakan bidang yang memerlukan penelitian yang khusus dan pemahaman yang jelas bagi membolehkan murid menguasai sistem nahu sesebuah bahasa. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dijalankan untuk menganalisis kesalahan ejaan dan tanda baca yang seringkali dilakukan oleh murid di sekolah.



Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

- i. mengenal pasti kesalahan ejaan kata asli bahasa Melayu yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan.
- ii. mengenal pasti kesalahan ejaan kata pinjaman yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan.
- iii. mengenal pasti kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan.





1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji berharap kajian ini akan menjawab kepada tiga soalan yang dibangkitkan seperti yang berikut:

- i. Apakah kesalahan ejaan kata asli bahasa Melayu yang sering dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan?
- ii. Apakah kesalahan ejaan kata pinjaman yang sering dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan?
- iii. Apakah kesalahan tanda baca yang sering dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana kekerapan kesalahan ejaan dan tanda baca yang dilakukan oleh murid dalam hasil penulisan karangan mereka. Oleh hal demikian, pengkaji berharap agar hasil kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan. Antara kepentingan kajian ini adalah kepada:

1.6.1 Murid

Murid sekolah sangat memerlukan pemahaman yang tinggi supaya kesalahan ejaan dan tanda baca dapat dielakkan dan dikurangkan. Hasil kajian ini dapat menjelaskan jenis-jenis kesalahan ejaan yang sering dilakukan oleh murid di sekolah ini. Hasil yang diperoleh akan dapat membantu guru untuk menerang strategi belajar yang baru dengan lebih baik dan berkesan.

Kepentingan seterusnya kepada murid berdasarkan dapatan kajian ini ialah dapat dijadikan panduan kepada mereka untuk meningkatkan prestasi khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila murid dapat memperbaiki kesalahan tersebut dan dapat menulis dengan penulisan mereka dengan lebih baik dan sempurna. Selanjutnya, kajian ini juga turut membantu meningkatkan pengetahuan murid tentang sistem ejaan bahasa betul dan penggunaan tanda baca untuk mempraktikkannya dalam penulisan karangan. Hal ini secara tidak langsung dapat





memberi kesedaran kepada mereka khususnya kepada murid-murid tentang berapa pentingnya penguasaan aspek ejaan dan tanda baca dalam penulisan karangan.

1.6.2 Guru

Kajian ini turut berkepentingan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Corder (1973), maklum balas daripada analisis kesalahan bahasa dapat dijadikan dasar untuk guru merangka pelbagai strategi kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran serta menentukan jumlah latihan yang diperlukan di dalam kelas untuk mengatasi masalah tersebut terutamanya masalah ejaan dan tanda baca. Sehubungan dengan itu, hasil kajian ini juga dapat membantu guru untuk merangka perancangan mengajar yang lebih berkesan dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid di sekolah.

Guru-guru juga dapat mempelbagaikan cara pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas supaya dapat menarik minat murid terhadap tatabahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan dapatan kajian guru boleh mengenal pasti kelemahan yang sering dilakukan oleh murid semasa menulis karangan. Oleh hal demikian, melalui kajian ini guru boleh memfokuskan kepada bahagian sistem ejaan yang kurang dikuasai oleh murid dan kesalahan tanda baca yang dilakukan oleh mereka dalam penulisan karangan. Hal ini bermaksud guru-guru boleh mendedahkan kepada murid dengan memperkenalkan cara-cara yang lebih mudah difahami oleh murid untuk menguasai sistem ejaan dan tanda baca. Ini kerana supaya kesalahan tersebut tidak akan diulangi lagi oleh murid-murid dalam penulisan karangan.

1.6.3 Pihak Sekolah

Kajian ini juga berkepentingan kepada pihak sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya murid tidak melakukan kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara dalam penulisan mereka, sudah pasti mereka akan memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahagian penulisan karangan merupakan bahagian yang memperuntukkan markah tertinggi dalam peperiksaan. Oleh





hal demikian, aspek ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul amatlah perlu dititikberatkan dalam sesbuah penulisan karangan kerana ia tidak akan menjelaskan markah peperiksaan. Hal ini juga secara tidak langsung dapat melahirkan murid yang cemerlang dalam peperiksaan dan meningkatkan nama baik sekolah berdasarkan prestasi peperiksaan murid.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kajian terhadap analisis kesalahan ejaan dan tanda baca dalam penulisan karangan terhadap murid Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Kebangsaan (LKTP) Jengka 16 yang terletak di Pahang. Sekolah tersebut dipilih adalah kerana merupakan sekolah yang akan dijalani oleh pengkaji semasa latihan mengajar. Pengalaman yang diperoleh semasa menjalani latihan mengajar khususnya dalam bidang penulisan karangan telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian berkenaan analisis kesalahan tatabahasa. Antara aspek yang diketengahkan dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesalahan ejaan kata asli, kesalahan ejaan kata pinjaman dan kesalahan tanda baca dalam penulisan karangan murid.

Bagi mengenal pasti kesalahan ejaan kata asli dalam penulisan karangan murid, pengkaji telah memfokuskan terhadap kesalahan ejaan kata asli mengikut golongan kata, iaitu kesalahan kata asli dari segi kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Bagi kata mengenal pasti kesalahan kata pinjaman, pengkaji telah memfokuskan kesalahan ejaan kata pinjaman mengikut bahasa, iaitu kesalahan ejaan perkataan yang dipinjam dari bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Manakala, bagi mengenal pasti kesalahan tanda baca yang terdapat dalam penulisan karangan murid, pengkaji telah memfokuskan kajian terhadap empat jenis kesalahan tanda baca sahaja, iaitu tanda baca noktah, tanda koma, tanda pengikat kata dan tanda sempang. Sehubungan dengan itu, responden pilihan pengkaji juga dibataskan hanya sebuah kelas Tingkatan 3, iaitu seramai 30 orang.



1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa konsep yang berkaitan. Bagi mengelakkan kekeliruan yang tidak bermakna, konsep-konsep ini perlu diberi definisi-definisi yang tepat dan munasabah. Konsep-konsep ini diberi takrif mengikut konteks dalam kajian.

1.8.1 Analisis Kesalahan

Analisis kesalahan dalam penulisan karangan merupakan perkara yang amat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, berdasarkan analisis yang telah dilakukan, guru dapat meninjau tingkat keupayaan, kemampuan dan prestasi murid dalam menghasilkan sebuah karangan yang cemerlang. Menurut Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli dan Norfaizah Abdul Jobar (2020), kesalahan merujuk kepada perbuatan salah atau kesilapan. Seterusnya, Harimuti Krisdalakana (1999), menjelaskan bahawa analisis kesalahan merupakan teknik dalam mengukur kemajuan pembelajaran bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan bahasa seseorang atau kelompok berkenaan. Oleh hal demikian, analisis kesalahan boleh ditakrifkan sebagai satu teknik dan kemahiran bagi mengukur kemajuan sesuatu bahasa sama ada secara merakam, mengklasifikasikan, menginterpretasikan serta mencari punca-punca kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid semasa menulis sebuah karangan.

Dalam kajian ini, analisis kesalahan merujuk kepada kesalahan tatabahasa yang merangkumi kesalahan ejaan dan tanda baca yang telah dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan. Oleh hal demikian, analisis kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kesalahan ejaan kata asli bahasa Melayu, kesalahan ejaan kata pinjaman dan kesalahan penggunaan tanda baca dalam sesebuah penulisan yang telah dihasilkan oleh murid. Analisis kesalahan yang dilakukan juga dapat mengesan aspek-aspek yang menjadi masalah dalam kalangan penulis karangan bahasa Melayu agar masalah yang dihadapi akan dapat dikenal pasti, diuraikan dan diatasi.



1.8.2 Ejaan

Ejaan yang digunakan dalam kajian ini dapat ditakrifkan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) sebagai kata terbitan yang berasal daripada *eja* dan menerima imbuhan *-an*. Ejaan juga boleh didefinisikan sebagai satu kaedah atau cara menulis mengikut penyelarasan terutamanya bagi perkataan-perkataan pinjaman seperti *virus*, *plastik*, *bakteria* dan sebagainya. Manakala perkataan *eja* pula boleh diertikan sebagai menyembunyikan (menulis) huruf-huruf secara berturut-turut dalam sesuatu ayat perkataan. Dalam bahasa Melayu, kebanyakan sebutan menurut ejaan dipanggil sebagai sebutan baku. Oleh sebab itu, ejaan merupakan rumus atau simbol-simbol tulisan yang mewakili ujaran yang disusun dan mengandungi makna.

Ejaan juga merupakan lambang-lambang huruf yang mana penggunaannya diterima pakai dalam bahasa Melayu. Ejaan dalam konteks kajian berpandukan Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia. Sistem ejaan boleh diklasifikasikan mengikut hukum Tatatabahasa Dewan dan Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu. Terdapat sembilan kategori sistem ejaan, iaitu kata ganti singkatan, kata ganti nama, kata majmuk, kata pinjaman, kata terbitan, kata ganda, kata partikel, kata nama dan keselarasan vokal. Dalam kajian ini, ejaan merujuk kepada kesalahan ejaan yang berlaku dalam penulisan karangan murid. Kesalahan ejaan ialah penyimpangan atau kesilapan yang berlaku dalam bentuk tulisan dan tanda baca (Hasnah Awang & Muhammad Norrudin Abdul Aziz, 2022). Oleh hal demikian, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kesalahan ejaan yang merangkumi kesalahan ejaan kata asli bahasa Melayu, kesalahan ejaan kata pinjaman, dan kesalahan tanda baca dalam penulisan karangan murid di sekolah menengah.

1.8.3 Tanda Baca

Tanda baca merupakan simbol atau tanda yang digunakan untuk memberi isyarat kepada pembaca supaya melakukan sesuatu dalam bacaan. Penguasaan penggunaan tanda baca adalah salah satu pengetahuan yang perlu diketahui oleh murid semasa menulis kerana tanda baca merupakan cara paling asas untuk memudahkan proses membaca informasi daripada hasil tulisan dan memahami penekanan pada tiap-tiap ayat yang ditulis oleh penulis (Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Mahali, 2020). Selain itu, tanda baca juga digunakan untuk kemudahan membaca dan memahami teks kerana





ia memisahkan bahagian-bahagian dalam ayat. Hal ini bermaksud tanda baca juga berfungsi untuk menandai intonasi ayat dengan betul. Oleh hal demikian, dalam sesebuah penulisan khususnya karangan, tanda baca akan diletakkan di tempat-tempat tertentu dalam ayat berdasarkan kesesuaian ayat.

Menurut Gaya Bahasa Dewan Edisi Ketiga (1995), dalam tulisan rumi dan jawi bahasa Melayu, terdapat 17 tanda baca yang telah digunakan dalam mantap. Antaranya ialah tanda koma (,), tanda noktah (.), tanda pisah (-), tanda sempang (-), tanda elipsis (...), tanda titik bertindih (:), tanda koma bertindih (;), tanda soal (?), tanda seru (!), tanda kurung dan kelompok ({[()] }), tanda kurung (()), tanda kurung siku ([]), tanda kurung dakap ({ }), tanda petik atau pengikat kata (“ ”), tanda petik tunggal (‘ ’), tanda garis miring (/), dan tanda penyingkat (’). Setiap jenis tanda baca ini mempunyai fungsi yang berbeza dalam Sistem Tatabahasa Melayu. Ringkasnya, tanda baca boleh ditakrifkan sebagai simbol yang boleh membantu menentukan intonasi yang betul dalam pembacaan dan memperkuuh struktur wacana bahasa.



Menurut Noorliza Hani Idris (2000), menjelaskan bahawa penulisan merupakan penglahiran pemikiran dalam bentuk simbol bahasa yang mempunyai tumpuan tersendiri dan membantu penulis dalam proses mengarang. Simbol atau lambang-lambang tulisan disusun mengikut urutan disiplin tertentu bagi membentuk perkataan, membentuk ayat dan seterusnya menghasilkan karangan menggunakan struktur ayat dengan menggunakan tatabahasa yang betul dan gramatis. Ringkasnya, penulisan merupakan satu bentuk kegiatan menulis dalam usaha untuk menyampaikan pandangan, pendapat, cadangan, luahan dan sebagainya sama ada dalam bentuk bertaip atau bertulis.

Prinsip penulisan dalam disiplin bahasa ialah penulisan dapat menonjolkan kebolehan individu dalam pengolahan isi, bahan dan idea. Ini kerana melalui penulisan, kita dapat mengetahui kebolehan dalam mengolah idea dan isi berdasarkan sesuatu topik. Selain itu, melalui penulisan juga seseorang individu tersebut dapat melahirkan pelbagai bentuk dan gaya penulisan hasil daripada pemerhatian dan pengalaman peribadi. Hal ini bermaksud penulisan yang dilakukan adalah merupakan sebuah





adaptasi kisah benar atau pengalaman yang dilalui oleh dirinya. Dari sinilah, seseorang itu boleh memerihalkan penceritaan tersebut melalui penulisan. Oleh hal demikian, terdapat beberapa jenis-jenis penulisan dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah penulisan naratif, deskriptif, nyanyian/lirik, puisi dan prosa, autobiografi, drama dan keperihalan.

Dalam kajian ini, penulisan merujuk kepada satu bentuk kegiatan menulis dalam usaha untuk menyampaikan sesuatu pendapat, cadangan, luahan dan sebagainya sama ada secara bertaip atau ditulis menggunakan alat tulis seperti pen dan pensel. Oleh hal demikian, penulisan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penulisan karangan bahasa Melayu murid-murid di sekolah menengah berdasarkan soalan yang diedarkan oleh guru.

1.8.5 Karangan

Karangan ialah rangkaian perkataan atau ayat yang membentuk satu wacana yang bermakna. Menurut Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd. Nor (2004), menyatakan penulisan karangan merupakan wahana penting bagi penyataan diri untuk penyataan bahasa dan untuk menemukan makna. Ringkasnya, karangan merupakan latihan dalam melahirkan fikiran dan idea secara bebas. Sungguhpun demikian, penulisan tersebut masih dikawal dengan arahan, peraturan dan tajuk karangan tersebut seperti yang telah ditetapkan oleh guru semasa di dalam kelas. dalam kajian ini, karangan yang dimaksudkan ialah hasil penulisan yang dilakukan oleh murid yang dijadikan sebagai sampel kajian.

Terdapat dua jenis karangan yang dilakukan oleh murid-murid di sekolah, iaitu karangan berformat dan karangan tidak berformat. Karangan jenis berformat adalah seperti surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, ucapan, syaran, dialog/ perbualan/ wawancara/ temu bual, perbahasan, berita, laporan dan catatan atau diari. Manakala, karangan jenis tidak berformat ialah perbincangan, gambar atau keperihalan, cereka atau cerita, peribahasa, autobiografi, biografi atau biodata dan imaginasi. Dalam kajian ini, karangan merujuk kepada hasil penulisan murid-murid berdasarkan soalan latihan yang telah diberikan oleh pengkaji. Jenis karangan yang diberikan oleh pengkaji kepada murid-murid untuk dijawab ialah karangan berdasarkan bahan rangsangan.





Tajuk karangan yang diberikan kepada murid untuk dijawab ialah “Langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar”. Jumlah perkataan yang dibenarkan untuk murid menulis karangan tersebut, ialah tidak kurang daripada 180 patah perkataan. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan karangan tersebut adalah selama 45 minit. Manakala, markah yang diperuntukkan adalah sebanyak 30 markah.

1.8.6 Murid

Di Malaysia, individu yang berumur 7 hingga 17 tahun perlu mengikuti pendidikan formal yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Dalam kajian ini, murid merujuk kepada individu yang mengikuti pendidikan formal di sekolah menengah. Murid yang terlibat dalam kajian ini ialah murid menengah rendah, iaitu Tingkatan Tiga. Murid Tingkatan Tiga ini merupakan calon yang menduduki Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Murid-murid ini juga terdiri daripada murid lelaki dan perempuan yang berbeza jantina.



1.8.7 Sekolah Menengah

Sekolah menengah kebangsaan ialah sekolah yang menggunakan sistem pendidikan formal di Malaysia. Sistem pendidikan di setiap sekolah menengah adalah selaras berdasarkan dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah ditetapkan. Sekolah ini melibatkan murid umur antara 13 hingga 19 tahun. Justeru, sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah sebuah sekolah menengah kebangsaan di daerah Maran, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (LKTP) Jengka 16. Selain itu, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam kalangan murid Tingkatan Tiga yang terdiri daripada murid tahap sekolah menengah rendah.





1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab 1 ini telah memberi gambaran awal berkenaan kajian yang akan dijalankan dengan terperinci. Justeru, bab ini telah menghuraikan tentang pendahuluan, latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian dan definisi operasional secara terperinci dan kepentingan kajian kepada pelbagai pihak. Berdasarkan kajian ini juga, perbincangan tentang kesalahan ejaan dan tanda baca yang terdapat dalam penulisan karangan bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan (LKTP) Jengka 16 adalah untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian dan persoalan kajian yang diutarakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Oleh itu, Bab 1 ini penting supaya penyelidik dan pembaca tahu akan perjalanan kajian yang akan dilakukan.

